



## PERBADANAN LABUAN

Wisma Perbadanan Labuan, Peti Surat 81245, 87022 Wilayah Persekutuan Labuan  
Tel: 087-408600/087-408601 Faks: 087-428997/087-419400/087-426803  
Laman Web: [www.pl.gov.my](http://www.pl.gov.my)

---

# SIARAN MEDIA

## UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

### MEDAN SELERA BAHARU TANJUNG PURUN MENYEDIAKAN FASILITI YANG LEBIH BAIK UNTUK ORANG RAMAI

**LABUAN, 27 April 2019** – YB Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad, Menteri Wilayah Persekutuan telah berkesempatan merasmikan Medan Selera baharu yang terletak di Tanjung Purun, Wilayah Persekutuan Labuan.

Kawasan yang berkeluasan 3,034 Hektar ini dibangunkan dengan 50 unit gerai yang dilengkapi dengan kemudahan sejumlah 250 tempat letak kereta, 50 lot motosikal serta bas persiaran. Selain itu, bangunan Medan Selera ini turut disediakan dengan kemudahan surau, tandas dan taman mini permainan bagi kegunaan dan keselesaan para pengunjung.

Bangunan Medan Selera ini telah dibina pada 2 Februari 2017 dengan kos berjumlah RM 13 juta dan telah siap sepenuhnya pada 19 Januari 2018. Medan ini telah dibuka kepada orang awam pada 1 April 2018 dan mempunyai pelbagai variasi menu yang mampu dinikmati oleh para pengunjung dan pelancong yang datang ke premis ini. Selain itu, pelbagai aktiviti turut diadakan di dalam kawasan medan ini yang mana turut menempatkan satu ruang pentas terbuka bagi penganjuran majlis/program yang dianjurkan oleh jabatan kerajaan dan agensi swasta serta pihak NGO bagi menghidupkan lagi suasana di kawasan Medan Selera ini yang juga secara tidak langsung membantu meningkatkan pendapatan para peniaga.

Pembinaan Medan Selera baharu ini sangat disambut baik oleh warga Wilayah Persekutuan Labuan yang turut serta menikmati manfaat yang telah disediakan oleh pihak kerajaan. Selain dari itu, konsep dan rekabentuknya yang unik telah menjadikan Medan Selera ini sebagai salah satu tempat tarikan pelancong ke pulau ini.

#### Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Korporat  
Perbadanan Labuan  
27 April 2019